

29 OCT 2003

Mahathir-Persaraan/I

DR MAHATHIR MENUNGGU UNTUK BERSARA

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau menunggu-nunggu untuk bersara pada Jumaat ini.

"Saya menunggu-nunggu untuk bersara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita mengenai perasaannya memandangkan tinggal 48 jam sahaja lagi untuk berada dalam jawatan itu.

"Saya sudah melaluinya. Kini giliran yang lain pula. Saya telah melaluinya 22 tahun. Saya tidak boleh mengadu. Saya gembira.

"Jikapun saya hidup 100 tahun akan masih terdapat perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka yang lain. Saya tidak boleh mengadu," kata beliau selepas menghadiri majlis Nur Ramadhan 2003 dan berbuka puasa di Masjid Negara di sini.

Acara itu dianjurkan oleh Umno Wilayah Persekutuan.

Sementara itu mengenai penculikan enam pekerja asing dari sebuah pusat percutian di Sabah, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa ia tidak kena mengena dengan terorisme. Saya rasa ia hanya penculikan untuk mendapatkan wang tebusan."

Pada 5 Oktober lepas, keenam-enam pekerja itu diculik oleh 10 orang lelaki bersenjata dari Borneo Paradise Eco Farm di Kunak dan media semalam melaporkan lima daripada mereka mungkin telah dibunuh.

Laporan itu bagaimanapun belum dapat disahkan.

Diminta mengulas mengenai pencapaian Malaysia dalam sains dan teknologi, beliau berkata negara telah menunjukkan kemajuan yang mengagumkan sehinggakan menurut pemerhati.

Bagaimanapun, ia bukan setaraf dengan negara-negara membangun, kata Dr Mahathir lagi.

"Saya yakin kita boleh menunjukkan kemajuan lanjut," katanya.

Ditanya sama ada Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta nasihat beliau berhubung perlantikan Timbalan Perdana Menteri baru, Dr Mahathir berkata Abdullah tidak meminta apa-apa nasihat daripadanya berhubung hal itu.

Sementara itu, Dr Mahathir dan Abdullah menyertai beribu-ribu umat Islam untuk sembahyang tarawih di Masjid Negara selepas berbuka puasa.

Turut hadir ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA

JM PR